


OBOR

BELIA

BUKU 2

ADA APA DENGAN YESUS?



Disediakan * Panduan pembimbingan
OBOR BELIA

OBOR BELIA

Penulis (Bahasa Inggeris): Goh Kim Guat

Kim Guat aktif dalam pelayanan belia dan kanak-kanak. Dia telah memperoleh B.A. (Hons) di Bryn Mawr College, U.S.A. dan M.Ed. di Harvard Graduate School of Education.

Penulis & Penterjemah (Bahasa Malaysia): Evelyn Tan Hwee Yong

Hwee Yong telah lama berkecimpung dalam penulisan dan penterjemahan, dan telah menulis banyak buku dalam Bahasa Malaysia. Dia memperoleh M.A. Theology dari South East Asia Bible College, dan M. Human Sc. dari University Islam Antarabangsa.

Penyunting: Randy Singkee

Randy banyak terlibat dalam penulisan dan penterjemahan sejak tahun 1993. Dia memperoleh B.A. (Hons) dari Universiti Malaya dan M.Sc. dalam bidang Geographical Information Systems (GIS) dari University of Edinburgh, UK.

Penyunting Alkitab: Rev. Hwa Chien

Mendiang Rev. Hwa Chien memperoleh B.Sc. Bates College, U.S.A. dan M. Divinity, Gordon Cornwell Theological Seminary. Dia pernah menjawat sebagai pendeta dan Presiden Trinity Annual Conference untuk Gereja Methodist.

Cetakan Pertama : September 2009

Cetakan Kedua : September 2010

Penerbit : Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
wawasan.penabur@gmail.com

Pencetak : Akitiara Corporation Sdn. Bhd.

Kulit Buku : John Thomas

Artis Ilustrasi : Yee Weng Chiang

Petikan Alkitab diambil dari

Alkitab Berita Baik © 1996, Bible Society of Malaysia

Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Hakcipta © 2009 Wawasan Penabur & Issachar Sdn. Bhd.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juar sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

I si Kandungan

1	Sebelum Anda Bermula
4	Mukadimah: Ada Apa Dengan Yesus?
Lembar Kerja	
6	Sesi 1: Siapakah Yesus?
10	Sesi 2: Adakah Yesus Mempunyai Semua Jawapan?
14	Sesi 3: Apa Terjadi Selepas Ini?
18	Sesi 4: Langkah-langkah Pertama Mengikut Yesus
22	Sesi 5: Bukan Sekadar Manusia
26	Sesi 6: Di Manakah Tubuh-Nya?
34	Sesi 7: Hanya Berdasarkan Anugerah
38	Sesi 8: Apa Erti Pertaubatan?
Panduan Pembimbing	
43	Sesi 1
46	Sesi 2
50	Sesi 3
52	Sesi 4
55	Sesi 5
60	Sesi 6
64	Sesi 7
67	Sesi 8

Sebelum Anda Bermula...

Memperkenalkan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dituliskan sebab:

- Para belia dan muda-mudi masih mencari program yang lebih berkesan dan yang dapat memenuhi keperluan mereka.
- Para belia dan muda-mudi masih kekurangan pembelajaran sistematis yang dapat meletakkan dasar iman teguh di tengah-tengah tekanan kehidupan moden ini.
- Kebanyakan buku pemuridan tidak dituliskan menurut konteks dan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia dan muda-mudi yang hidup sebagai umat Tuhan di negara ini.

OBOR BELIA merupakan kurikulum yang memuat kaedah-kaedah kreatif dan praktikal agar Injil dapat disampaikan sesuai dengan keperluan para belia dan muda-mudi zaman sekarang. Kurikulum ini diolah untuk generasi muda Tubuh Kristus supaya mereka mengenal iman mereka secara mendalam dan hidup setia sebagai umat Tuhan di negara ini. Kurikulum ini akan memberi anda peluang untuk berbincang, bertukaran pendapat, berdoa bersama, belajar daripada satu sama lain, dan berseronok bersama. Setelah mempelajari kurikulum ini, anda akan mengetahui bahawa menjadi seorang Kristian memang relevan, mencabar, teruja dan anda akan menemui apa yang anda kehendaki untuk kehidupan anda.

Cara Menggunakan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dicorakkan untuk pertemuan mingguan yang boleh digunakan di persekutuan di sekolah, rumah atau gereja. Anda juga boleh mengubahsuainya untuk kelompok kecil anda.

Siri buku ini mempunyai dua bahagian besar: Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing yang memberi panduan dan aktiviti-aktiviti kreatif untuk topik-topik buku ini.

Panduan Pelajar terdiri daripada Kata-Kata Mutiara, Ayat Mas Alkitab, Aktiviti Bersama, Renungan Firman Tuhan, Renungan Peribadi dan Doa. Panduan Pembimbing pula mempunyai tiga aspek tambahan iaitu Objektif-Objektif Sesi, Aktiviti Pencetus Minat, Jawapan Firman

Tuhan serta kaedah ajaran yang boleh digunakan.

Pembimbing atau pemimpin kelompok harus membaca Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing untuk memahami seluruh pelajaran ini dan cara menyelenggarakannya.

Dalam Siri Buku **OBOR BELIA** ini, anda akan menemui yang berikut:



Ayat Mas Alkitab

Ayat ini merupakan ayat yang penting dan perlu direnunggi bersama kelompok anda.



Kata-Kata Mutiara

Baca bersama ahli-ahli kumpulan anda dan jelaskannya secara singkat.



Aktiviti Bersama

Bahagian ini memperkenalkan tema utama sesi ini dengan menggunakan pelbagai permainan, lakonan, kertas kerja atau cara yang menarik untuk mencetus minat para pemuda-pemudi.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian di mana Firman Tuhan akan dibentangkan daripada sudut pandangan remaja/belia. Pelbagai aktiviti dirancang agar mereka dapat melibatkan diri dalam Firman Tuhan.



Renungan Peribadi

Bahagian ini menggabungkan cara-cara kreatif dan praktikal untuk menggalakkan mereka merenungi pelajaran hari itu serta menerapkan kebenaran yang telah dipelajari untuk kehidupan mereka, dan bukan sekedar mengetahuinya sahaja.



Doa

Pembimbing dan peserta digalakkan menutup setiap sesi dengan doa.

Untuk Pemimpin/Pembimbing

Panduan untuk memimpin dan membimbing sesi disediakan di bahagian akhir buku ini. Anda akan dibekalkan dengan nota-nota tambahan untuk setiap bahagian dalam sesi di Lembar Kerja.



Objektif-Objektif Sesi

Bahagian ini menjelaskan dengan terperinci objektif-objektif sesi. Pembimbing mesti membaca objektif-objektif ini sebelum mulakan pelajaran.



Pencetus Minat

Mencadangkan beberapa teknik pemanasan dan pencetus minat para pelajar dengan menggunakan permainan, lakonan, dan sebagainya.



Aktiviti Tambahan

Aktiviti atau pelajaran tambahan yang diolah untuk memperkuatkan lagi pengajaran Alkitab atau satu pernyataan.

Beberapa Panduan Berguna

*** Baca**

Baca bahagian Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing jika anda sedang membimbing satu kelompok supaya anda boleh berfikir dan menyiapkan diri dengan mantap.

*** Doa**

Berdoa agar Tuhan memberi anda kebijaksanaan sewaktu mengendalikan topik dalam perbincangan. Jangan lupa berdoa agar Tuhan menyentuh dan mengubah kehidupan ahli-ahli kumpulan anda.

*** Persiapan**

Bahagian Renungan Firman Tuhan memerlukan paling banyak bimbingan dan ajaran daripada anda. Renungkan contoh-contoh yang dapat menolong anda menjelaskan ajaran anda dalam bahagian lain.

*** Santai & Ketawa**

Jangan terlalu serius dan kalau boleh berjenakalah sekali-sekala. Biar proses pembelajaran itu lebih berinteraksi, partisipasi dan santai.

Buku 2: Ada Apa Dengan Yesus?

Mukadimah


Adakah memberitahu orang lain tentang Yesus susah bagi anda? Buku ini akan menolong anda untuk bersaksi tentang Yesus.

Buku ini ditulis agar anda boleh mengundang kawan-kawan anda ke persekutuan anda. Mereka tidak semestinya mempunyai pengetahuan mengenai Injil. Undang mereka untuk datang agar mereka tahu siapa Yesus. Buku ini juga mempunyai pelbagai aktiviti yang menarik untuk menolong kawan-kawan anda memikir tentang Yesus. Mereka juga akan diberikan kesempatan untuk mengundang Yesus ke dalam kehidupan mereka.

Satu hal penting yang dapat anda lakukan ialah berdoa. Berdoalah untuk mereka yang telah anda undang agar Tuhan akan menyentuh dan mengubah kehidupan mereka.

“Tetapi semua yang tercantum di sini telah dicatat, supaya kamu percaya, bahawa Yesuslah Mesias, Anak Allah, dan supaya kamu oleh imanmu memperoleh hidup dalam nama-Nya.” (Yohanes 20:31)

Siapakah Yesus?



Seorang manusia menembusi pintu... Dia sudah mati tetapi hidup semula... Dia tidak dibatasi waktu... Dia manusiakah atau apa ya? Siapakah Yesus sehingga Dia dapat melakukan semuanya ini? Selidikilah bagi diri sendiri dan kemudian tentukan Siapakah Yesus.



Ayat Mas Alkitab

“Tetapi semua ini ditulis supaya kamu percaya bahawa Yesus Anak Allah, Penyelamat yang diutuskan oleh Allah, dan kerana kamu percaya kepada-Nya, kamu boleh beroleh hidup sejati.” (Yohanes 20:31)



Kata-kata Mutiara

Semua perkara yang dicatatkan mengenai apa yang dilakukan oleh Yesus dan apa yang dikatakan-Nya mengenai diri-Nya menyokong fakta bahawa Dia memang Tuhan.



Aktiviti Bersama

“Adakah Yesus Manusia atau?”

Bergeraklah ke semua empat kaunter yang telah disediakan dan kaji ayat-ayat Alkitab ini. Catatkan penemuan anda.



Tidak Dibatasi Benda



Tidak Dibatasi Jasmani



Tidak Dibatasi Gravitasi



Tidak Dibatasi Kematian



Renungan Firman Tuhan

Apakah yang dikatakan oleh Yesus mengenai Diri-Nya sendiri? Pada suatu hari, kawan-kawan Yesus meminta Dia memberitahu mereka siapa Diri-Nya yang sebenarnya. Baca Yohanes 14:7-9 untuk jawapan yang diberi oleh Yesus.

Selain itu, Yesus juga mengakui Diri-Nya _____
(Yohanes 10:30).

Yesus selalu bersabda “Akulah...”. Padangkan jawapan yang betul.

Akulah pintu	Yohanes 10:11
Akulah gembala yang baik	Yohanes 14:6
Akulah roti yang memberi kehidupan	Yohanes 15:5
Akulah yang pimpin manusia kepada Tuhan	Yohanes 6:35
Akulah pohon anggur	Yohanes 10:7



Renungan Peribadi



1. Kalau Yesus percaya bahawa Dia adalah Tuhan, dan ternyata Dia bukan, maka kita boleh berkata Dia ialah seorang _____
2. Kalau Yesus mengetahui bahawa Dia bukan Tuhan yang sungguh-sungguh tetapi mengakui Dia adalah Tuhan, maka kita boleh mengatakan bahawa Dia adalah seorang _____
3. Yesus adalah seperti yang diakui Diri-Nya sendiri. Dia ialah _____

Pilihan saya ialah:

kerana:

- ☞ Kalau yang anda pilih adalah: “Tuhan”, dengar apa yang dikatakan oleh salah satu sahabat Yesus yang bernama Yohanes, “Tetapi semua ini ditulis supaya kamu percaya bahawa Yesus Anak Allah, Penyelamat yang diutus oleh Allah, dan kerana kamu percaya kepada-Nya, kamu beroleh hidup sejati.” (Yohanes 20:31)

Apakah erti memperoleh hidup dalam nama-Nya? Pernahkah anda tertanya-tanya apa erti hidup ini... apa tujuan anda... anda datang dari mana... dan anda mahu ke mana?

Yesus Kristus, Tuhan, menjanjikan jawapan untuk semua pertanyaan ini. Dia berjanji kehidupan yang bermakna dan teruja kepada anda. Anda mahu mengenal Tuhan Yesus dengan lebih lanjut dan mengalami hidup yang dijanji-Nya? Kami sambut kedatangan anda ke persekutuan kami untuk mencari kebenaran yang hebat!

Kalau anda tidak pilih untuk mempercayai Tuhan Yesus, jangan khuatir kerana anda boleh ikut sesi pelajaran yang lain dan selidiki sendiri siapa Yesus yang sebenarnya.

Santapan Minda


C. S. Lewis, seorang professor di Universiti Cambridge yang pernah menjadi seorang *agnostic*, memahami sekali isu, “Adakah Yesus Tuhan, Pembohong atau Orang Gila?” Dia menulis, “Saya sedang berusaha untuk menghalangi sesiapapun dari mengatakan sesuatu yang bodoh mengenai Dia seperti: ‘Saya sedia menerima Yesus sebagai seorang guru yang bermoral tetapi saya tidak boleh menerima-Nya sebagai Tuhan.’ Inilah ungkapan yang tidak boleh kita ucapkan. Kalau Yesus hanya seorang manusia dan mengatakan hal-hal yang seperti dikatakan-Nya mengenai Diri-Nya maka Dia bukan seorang guru moral yang hebat. Dia boleh dikatakan sebagai orang yang tidak waras atau Iblis dari Neraka. Anda mesti membuat pilihan anda. Adakah orang ini manusia dan Anak Allah; atau seorang gila atau sesuatu yang lebih teruk lagi...”



Doa

Minta Tuhan memberkati dan menolong anda untuk memahami dan mengenal siapa Yesus supaya anda dapat mengalami kehidupan yang bermakna seperti yang dijanjikan-Nya.

Adakah Yesus Mempunyai Semua Jawapan?





Ayat Mas Alkitab

“Yesus menjawab, “Akulah jalan untuk mengenal Tuhan dan untuk mendapat hidup. Tidak seorang pun dapat datang kepada Bapa kecuali melalui Aku.” (Yohanes 14:6)



Kata-kata Mutiara

Hanya dalam Yesus kita dapat memiliki hidup yang bermakna dan memuaskan.



Aktiviti Bersama

Serangan Makhluk Dari Mars

Hari Kebangsaan Malaysia hampir tiba dan semua sekolah yang mengambil bahagian dalam perarakan perayaan istimewa ini telah berlatih dengan sungguh-sungguh. Anda dan kawan-kawan anda baru menjalani latihan yang meletihkan namun menyeronokkan. Anda sungguh gembira melihat suasana yang berwarna warni dan penuh semangat.

Anda dan beberapa kawan anda masih berada di luar stadium setelah menjalani latihan. Hampir semua kawan anda telah pulang tetapi beberapa ibu bapa terlambat datang untuk menjemput anak-anak mereka.

“Alamak! Topi saya tertinggal di dalam stadium!” seru anda.

“Robert, mari temani aku, topi aku tertinggal dalam stadium,” kata anda kepada Robert.

Anda berdua berlari-lari ke dalam stadium untuk mendapat topi anda. Ketika anda berada dalam stadium itu, tiba-tiba stadium itu seakan-akan diliputi oleh awan-awan yang sangat gelap. Mata anda terbeliaik kerana ternampak piring terbang berputar-putar di tengah-tengah stadium. Beberapa makhluk asing dari planet Mars turun dan pekikan mereka menusuk telinga.

“Ayuh, lari sebelum terlambat,” jerit Robert.

“Jangan lari! Kalau tidak kami akan menangkap kamu! Kami sedang membuat kajian tentang manusia dan kami mahu jawapan daripada kamu. Jika kamu memberi jawapan yang memuaskan, kami tidak akan menangkap kamu.”

Anda telah ditanyakan tiga soalan yang penting:-

- ❶ Siapakah manusia dan bagaimana manusia dicipta?
- ❷ Apakah tujuan kehidupan anda di dunia ini?
- ❸ Apakah yang akan terjadi kalau anda meninggal dunia?

Wah! Pertanyaan yang begitu sulit! Namun, anda semua tidak mahu ditangkap kerana mereka mungkin akan melakukan sesuatu yang dahsyat!



Renungan Firman Tuhan

Selidiki ayat-ayat Alkitab dan siapkan jawapan anda. Kelompok yang tidak dapat memberi jawapan akan ditangkap oleh makhluk-makhluk asing ini.

Pertanyaan 1

- a. Siapakah yang mencipta manusia dan bagaimana mereka diciptakan? (Kejadian 1:26-27)

- b. Adakah manusia bernilai? (Mazmur 100:3)

Pertanyaan 2

- a. Apakah tujuan Tuhan sewaktu Dia menciptakan manusia? (Kejadian 1:28)

- b. Kenapakah akhirnya manusia tidak mengenal Tuhan dan tidak dapat mengalami kehidupan bermakna yang diberikan Tuhan? (Roma 3:23)

- c. Walau bagaimanapun Tuhan tidak ingin kita hidup terpisah daripada-Nya. Jadi siapakah yang diutus-Nya dan apa yang dikatakan oleh Diri-Nya? (Yohanes 14:6)

Pertanyaan 3

Apakah yang dikatakan oleh ayat ini mengenai kita apabila kita meninggal dunia? (Yohanes 3:16)



Renungan Peribadi

Setelah saya mempelajari semua ini mengenai Tuhan, saya mengambil keputusan bahawa (tandakan pilihan anda):

- Tuhan sangat jauh sekali dan tidak mempedulikan manusia — Dia mungkin sedang bercuti.
- Tuhan seperti seorang polis yang selalu menangkap pendosa.
- Tuhan seperti datukku yang selalu memberi hadiah-hadiah kepadaku.
- Tuhan adalah seperti ambulan, Dia akan datang segera apabila saya memerlukan pertolongan-Nya.
- Tuhan sangat mengasihi manusia sehingga Dia rela memberi nyawa-Nya supaya dosa saya diampuni.

Santapan Minda

Thomas Aquinas menulis: "Jauh di lubuk batin setiap jiwa ialah suatu kehausan untuk kegembiraan dan kehidupan yang bermakna."



Doa

Tuhan Yesus, saya berterima kasih atas kasih-Mu. Saya membuka pintu hati saya untuk menerima Engkau sebagai Tuhan dan Penyelamat saya. Saya berterima kasih kerana Engkau telah mati di kayu salib demi dosa saya dan darah-Mu dicurahkan untuk menyucikan saya. Ampunilah segala dosa saya dan jadikan saya anak-Mu yang berkenan kepada-Mu. Saya mahu mengikut Engkau dan menjadi murid-Mu. Saya bersyukur kerana saya memiliki kehidupan kekal.

Dalam nama Tuhan Yesus Amin.

Apa Terjadi Selepas Ini?





Ayat Mas Alkitab

"Tetapi kepada mereka yang menyambut Dia dan percaya kepada-Nya, mereka diberikan hak menjadi anak Allah. Mereka menjadi anak Allah bukan dengan jalan yang dilahirkan oleh manusia, tetapi Allah sendiri menjadikan mereka anak-anak-Nya." (Yohanes 1:12-13)



Kata-kata Mutiara

Seseorang yang menerima Yesus sebagai Penyelamatnya akan dipanggil untuk menjalani kehidupan baru berdasarkan kepada kebenaran-kebenaran yang telah dilakukan oleh Yesus untuknya dan tidak bergantung pada perasaan sahaja.



Aktiviti Bersama

Memahami Kehidupan Baru

- ➊ Sewaktu anda berdoa dan meminta Kristus untuk datang ke dalam kehidupan anda, adakah Dia datang ke dalam hati anda?

- ➋ Bagaimanakah anda mengetahuinya?



Anda boleh yakin bahawa Yesus akan melakukan apa yang dikatakan-Nya kerana Alkitab boleh dipercayai. Alkitab telah diuji berulang kali sebagai firman Tuhan dan ia boleh dipercayai.

- ➌ Baca Wahyu 3:20. Apakah yang dikatakan oleh Yesus?



Yesus berjanji Dia akan datang ke dalam hatimu.

* Ya, Yesus sekarang tinggal di dalam diri anda. Roh Kudus-Nya tinggal di *
* dalam anda sekarang! Anda tidak boleh melihat-Nya tetapi Dia berjanji akan *
* memberi anda kehidupan baru seperti yang dijanjikan-Nya. *

Fakta-Fakta Mengenai Kehidupan Baru Anda

Dalam pasangan, padankan jawapan berikut. Pertanyaan pertama sudah dijawabkan untuk anda.

Kehidupan Lama	Kehidupan Baru
1. Saya terpisah daripada Tuhan.	1. Saya ialah anak Tuhan.
2.	2.
3.	3.
4.	4.

Saya terpisah daripada Tuhan.

Saya ada hubungan baru dengan Tuhan.

Saya ada kehidupan yang baru dengan Tuhan.

Kehidupan tiada bererti tanpa Yesus.

Yesus hidup dalam aku.

Saya ialah anak Tuhan.

Saya sendiri.

Saya tak mengenal Tuhan.



Renungan Firman Tuhan

Fakta 1

2 Korintus 5:17 memberitahu kita bahawa kalau kita percaya kepada Tuhan Yesus, kita adalah _____ . Walaupun kita tidak merasa seperti demikian, ini suatu fakta yang tidak akan berubah sungguhpun kita tidak setuju. Jangan bergantung pada perasaan.

Fakta 2

Dahulu anda terpisah daripada Pencipta namun kini anda adalah _____ bersama dengan mereka yang menerima Yesus dalam kehidupan mereka. Bayangkan, Tuhan yang mencipta seluruh alam, kini telah menjadi Bapa yang boleh anda dekati. (Yohanes 1:12-13)

Fakta 3

Dahulu sewaktu anda bersendirian, tidak ada sesiapapun termasuk keluarga anda yang mengetahui perasaan anda. Sekarang Yesus tinggal di dalam anda sebagai Tuhan dan menjadi _____ selama-lamanya. Dia memahami segala yang anda alami dan Dia berjanji akan menjadi sumber kekuatan dan penghiburan. Tuhan bersabda bahawa Dia adalah _____ anda (Mazmur 23:1).

Fakta 4

Dahulu kehidupan anda tidak bermakna dan anda tidak mempunyai sukacita yang sungguh-sungguh. Tetapi kini Tuhan Yesus tinggal dalam hidup anda dan memberi anda _____ (Yohanes 14:27). Selain itu, Dia akan memimpin anda untuk menikmati kehidupan baru yang mencabar sebagai anak Tuhan. Doa adalah sumber penghiburan dan kekuatan kepada anda.



Renungan Peribadi

Corakkan satu logo pada T-shirt anda yang melambangkan kehidupan baru anda seperti “Yesus Sahabat Setiaku”, “Yesus Penyelamatku” dsbnya.

Santapan Minda

“Aku rindu seperti Tuhanku yang lemah lembut dan rendah hati, rajin berkerja serta berani dalam benar. Aku ingin lebih bersujud dan selalu menyembah. Aku serahkan segenap jiwaku hanya kepada-Mu. Jauhkan dosa daripada aku. Tolonglah aku, sucikan dan pelihara jiwaku selalu. Aku rindu seperti Tuhan yang penuh kasih. Aku ingin menyatakan kemuliaan-Mu, menyangkal diri dan lebih seperti Tuhan Yesus sehingga aku berjumpa dengan-Nya.”


~Chas H. Gabriel



Doa

Berdoa secara senyap dan bersyukur kepada Tuhan atas segala yang dilakukan-Nya dalam Yesus untuk anda. Minta Yesus menolong anda menjalani kehidupan baru yang berdasarkan pengetahuan tentang apa yang dilakukan oleh Yesus dan bukan berdasarkan perasaan.

Langkah-langkah Pertama Mengikut Yesus





Ayat Mas Alkitab

Kemudian Yesus berkata kepada pengikut-pengikut-Nya, “Jika seseorang hendak mengikut Aku, dia mesti melupakan kepentingan sendiri, memikul salib, dan mengikut Aku.” (Matius 16:24)



Kata-kata Mutiara

Apabila kita menerima Yesus dalam kehidupan kita, kita dipanggil untuk menyerahkan segala hak kita dan mengikut Dia.



Aktiviti Bersama

Dipanggil Untuk Menikmati Cabaran Hidup

Apabila anda menerima Yesus, anda menerima panggilan untuk mengikut Dia dan untuk menjadi murid-Nya. Perjalanan anda boleh menjadi satu perjalanan yang mencabar tetapi ia pasti akan berakhir dengan mulia di syurga. Sebaliknya, jika anda memilih untuk tidak menerima-Nya, perjalanan hidup anda bosan dan penuh dengan ketakutan kerana anda terpisah dari Tuhan dan Yesus.

Apakah permintaan Yesus kepada anda?

Baca Matius 16:24-25. Kemudian Hubungkan di bawah dengan garis untuk menjelaskan erti pernyataan Yesus.

Penyataan Yesus	Maksudnya
Setiap orang yang mahu mengikut Aku	Dia mesti selalu dekat dengan Yesus melalui waktu yang senang atau susah.
Dia harus menyangkal dirinya	Dia mesti rela menderita seperti Yesus.
Dia harus memikul salib	Dia mesti menyerahkan semua hak kehidupannya dan membiar Yesus menguasai kehidupannya.
Dia mesti mengikut Aku	Sesiapa yang ingin menjadi pengikut Yesus.

Penyataan Yesus	Maksudnya
Barangsiapa yang mahu menyelamatkan nyawanya, dia akan kehilangan nyawanya.	Seseorang yang rela menyerahkan segala sesuatu untuk melayani Tuhan akan mengalami kehidupan yang memuaskan dan bermakna.
Barangsiapa yang kehilangan nyawanya kerana Aku, ia akan memperolehnya.	Seseorang yang memegang kepada keinginan dan kedudukan sendiri tidak akan menemukan apa yang ingin diberikan oleh Tuhan.



Renungan Peribadi

Langkah-Langkah Pertama Saya

Sudahkah anda bersiap sedia untuk menempuh cabaran hidup bersama Yesus? Ambil langkah-langkah pertama anda untuk:

A. Mengenal Dia



Dapatkah anda mengikut seseorang yang tidak anda kenal?

Untuk mengenal Yesus dan mengasihi-Nya, anda perlu baca Alkitab, firman Tuhan, setiap hari. Alkitab mengandungi segala yang ingin anda tahu tentang Yesus!



Sediakan beberapa minit setiap hari untuk membaca Alkitab.

Untuk mengenal seseorang, anda perlu bercakap dengannya, betul? Demikian juga dengan persahabatanmu dengan Yesus. Berdoa bererti anda perlu bercakap apa sahaja dengan Yesus mengenai apa sahaja, Dia akan selalu mendengar keluhan dan kegembiraan anda dan berjanji akan menolong anda ketika anda menghadapi masalah.



Sediakan beberapa minit untuk berdoa kepada Yesus.

B. Mengutamakan Yesus

Di bawah adalah beberapa panduan untuk mengikut Yesus. Kita mesti mengizinkan Dia untuk menguasai seluruh kehidupan kita serta melakukan perkara-perkara yang menyenangkan hati-Nya. **Tandakan 5 yang paling utama** yang anda ingin lakukan.

Saya ingin meluangkan lebih banyak waktu untuk berdoa dan mengaji Alkitab.	
Saya akan menggunakan bahasa yang sopan.	
Saya tidak akan mementingkan diri dan tidak akan bersikap kasar terhadap adik-beradik saya.	
Saya akan menguruskan segala kerja di rumah tanpa merungut.	
Saya akan lebih bersopan kepada keluarga saya.	
Saya akan memberi segala waktu lapang kepada Yesus dan biar Dia membimbing saya untuk menggunakannya dengan bijaksana.	
Saya tidak akan menonton filem-filem yang tidak baik bagi saya.	
Saya akan berusaha untuk memberitahu teman-teman saya tentang Yesus.	
Saya tidak akan menghamburkan wang saya tetapi dalam sikap doa, saya akan menggunakannya dengan baik.	
Lain-lain (nyatakan)	

Santapan Minda

Ambil kehendakku dan jadikan milik-Mu,
 Ia tidak akan menjadi miliku lagi.
 Hatiku milik-Mu, ambillah,
 Jadikannya takhta mulia-Mu.


(Frances Ridley Havergal)



Doa

Baca Yohanes 15:9-11 dan berdoalah menurut petikan Firman Tuhan ini.

Bukan Sekadar Manusia





Ayat Mas Alkitab

“Sebelum dunia ini diciptakan, Firman sudah ada. Firman itu bersama-sama Allah dan Firman itu sama dengan Allah. Firman itu menjadi manusia dan tinggal antara kita. Kita nampak kemuliaan-Nya, kemuliaan yang diterima-Nya sebagai anak tunggal Bapa. Melalui Dia, kasih Allah dan Allah sendiri ditunjukkan kepada kita.” (Yohanes 1:1, 14)



Kata-kata Mutiara

Yesus Kristus adalah 100% kudus. Kalau Kristus hanya 90% atau 80% kudus, pengorbanan-Nya tidak akan memadai tuntutan Allah. Dia adalah 100% kudus.



Renungan Peribadi

Gelaran-Gelaran Yesus

Tahukah anda bahawa Yesus mempunyai banyak gelaran? Tentu saja bukan Datuk, Dr. atau Tan Sri. Dapatkah anda bayangkan kalau Yesus dipanggil Dr. Yesus atau Tan Sri Yesus? Gelaran-gelaran yang diberikan oleh Yesus menggambarkan **Siapa Diri Nya** yang sebenar.

Di bawah ini ada beberapa nama dan gelaran yang diberikan kepada Yesus. Bolehkah anda berikan maksud gelaran-gelaran ini?

Anak Allah

- Bukan manusia
- Dia adalah Tuhan
- Anak kudus
- Allah telah melahirkan-Nya



Yesus

- Yang kudus
- Tuhan menyelamatkan kita
- Manusia sempurna
- Penyelamatku

Kristus

- Pemikul kayu salib
- Nama keluarga-Nya
- Anak Allah
- Pengurapan-Nya seperti waktu penabalan raja

A

ku Adalah

- Kebenaran
- Pembawa harapan
- Satu-satunya jalan ke Allah
- Allah sendiri

R

abbi

- Guru
- Pekerja Mukjizat
- Nabi
- Pemimpin Yahudi

T

uhan

- Istilah untuk Allah
- Pekerja mukjizat
- Pemimpin Yahudi
- Putera

I

mmanuel

- Tuhan menyertai kita
- Tuhan adalah setia
- Kudus
- Tuhan menyelamatkan kita



Aktiviti Bersama

Fakta-Fakta Nyata Tentang Yesus

Berapa banyakkah yang anda mengetahui tentang Yesus? Mari kita uji fakta-fakta mengenai-Nya. Tandakan salah satu untuk menunjukkan sama ada anda setuju (S), tidak setuju (TS), atau tidak pasti (TP).

	S	TP	TS
Dia telah dilahirkan di sebuah kandang di Bethlehem.			
Dia sudah wujud sebelum segala sesuatu dicipta.			
Sebagai seorang kanak-kanak, Dia juga senakal kanak-kanak lain.			
Dia berkhutbah di merata tempat dan berpakaian kulit unta dan memakai tali pinggang kulit.			
Dia berumur sekitar tiga puluh tahun sebelum Dia memulai pelayanan-Nya.			
Dia menyembuh yang sakit, membuat yang lumpuh berjalan dan yang buta untuk melihat.			
Dia mempunyai kuasa untuk mengawal alam. Dia dapat berjalan atas air; Dia dapat mengawal angin dan ombak.			
Dia menguasai fikiran dan membuat mereka melakukan apa yang diingini-Nya.			

	S	TP	TS
Dia berjalan, bercakap, dan makan seperti orang lain.			
Dia mempunyai kasih yang hebat dan belas kasihan untuk orang dewasa tetapi Dia tidak mengambil berat kanak-kanak.			
Dia boleh menghidupkan orang yang mati.			
Dia mengakui diri-Nya dan Bapa-Nya adalah satu.			
Dia menderita kematian yang sakit seperti penjahat yang lain.			
Dia telah bangkit semula dan Dia berada di syurga sekarang.			

Santapan Minda

“Perkataan yang disabda-Nya, pekerjaan yang dilakukan-Nya, kehidupan yang dijalani-Nya, sifat-Nya-semua menggambarkan imej Bapa yang tidak kelihatan. Tuhan Yesus seperti dikatakan rasul Paulus, ‘Dia imej (kelihatan) Allah yang tidak kelihatan.’

(F.F. Bruce)

“Kalau seseorang membaca Perjanjian Baru dan tidak melihat pernyataan Kristus bahawa Dia lebih daripada seorang manusia, boleh diibaratkan dengan seseorang yang melayang matanya ke langit pada tengah hari pada hari yang tidak be-



Doa

Dalam kelompok masing-masing, bersyukur kepada Allah yang mengutus Yesus untuk hidup sebagai manusia. Dia juga adalah Korban yang sempurna bagi dosa-dosa mereka. Pujilah Tuhan kerana Dia sendiri adalah Allah.

Di Manakah Tubuh-Nya?





Ayat Mas Alkitab

9

“Apa yang aku sampaikan kepada kamu adalah apa yang sudah aku terima. Inilah perkara terpenting: Kristus mati kerana dosa kita, sesuai dengan yang tertulis dalam Alkitab. Hal ini juga tertulis di dalam Alkitab. Dia dikuburkan dan pada hari ketiga Dia dihidupkan semula. Setelah itu Dia menampakkan diri kepada Petrus, dan kemudian kepada dua belas orang rasul. Sesudah itu Dia menampakkan diri kepada lebih daripada lima ratus orang pengikut-Nya sekaligus. Kebanyakan daripada mereka masih hidup, meskipun beberapa orang sudah meninggal.” (1 Korintus 15:3-6)



Kata-kata Mutiara

Semua bukti dan catatan menunjukkan bahawa Yesus sudah mati secara jasmani sebelum Dia dikuburkan dan dibangkitkan oleh Allah pada hari yang ketiga selepas kematian-Nya.



Aktiviti Bersama

Kematian Yesus dan Kebangkitan-Nya: Fakta Atau Teori?

Bayangkan anda seorang detektif Biro Penyiasatan Yerusalem. Anda dan beberapa pegawai bertanggungjawab untuk menyelesaikan kes-kes jenayah. Ketua jabatan anda telah mengarahkan pasukan anda untuk menyiasat kes orang yang hilang. Berikut adalah fail yang telah diberikan kepada anda:

Data Orang Yang Hilang

Nama: Yesus dari Nazaret,
Juga dipanggil Yesus Kristus

Umur: 33 tahun



Pekerjaan: Tukang kayu yang berubah menjadi Rabbi

Keadaan Yang Menyebabkan Kehilangan-Nya:

Disalibkan di Golgotha pada hari Jumaat. Dia telah dikuburkan di kubur milik Yusuf Arimathea. Mayatnya telah hilang pada Hari Ahad dan telah menyebabkan kegemparan di kota.

Laporan:

Banyak laporan yang bertentangan pendapat telah diberikan. Segolongan orang berkata Dia tidak meninggal dunia. Beberapa orang yang lain berkata Yesus sudah hidup kembali.

Anda diberikan dua penugasan:

1. Untuk mendapat satu senarai pernyataan daripada saksi-saksi yang berada di tempat penyaliban itu bagi memastikan adakah Yesus dari Nazaret sudah mati sebelum Dia dikuburkan.
2. Untuk menyiasat apa yang terjadi kepada tubuh Yesus Kristus.

Penugasan Pertama: Hidup atau Mati?

Tugas: Untuk mencatatkan satu senarai pernyataan oleh para saksi yang berada di tempat penyaliban Yesus.

Di bawah ada dua catatan mengenai apa yang terjadi di tempat penyaliban itu. Baca dan senaraikan para saksi yang berada di situ dan tuliskan apa yang dikatakan mereka. Anda mesti tanyakan mereka apakah benar Yesus sudah mati?

 Baca Markus 15:37 dan Yohanes 19:31-41. Kemudian senaraikan semua saksi ini dan catatkan jawapan mereka.

Ayat-Ayat Alkitab	Nama Saksi	Pernyataan Mereka

Di bawah ini bentangkan siasatan anda untuk menentukan adakah Yesus masih hidup atau sudah meninggal dunia sebelum Dia dikuburkan.

Ringkasan Siasatan

Berdasarkan penemuan-penemuan saya, saya mahu melampirkan laporan saya seperti yang disebutkan di atas. Kesimpulan saya berdasarkan semua siasatan di atas seperti memberi pertunjuk bahawa Yesus

Yang benar

(Detektif Biro Penyiasatan Yerusalem)



Penugasan Kedua: Fakta atau Teori?

Tugas: Untuk menyiasat apa yang terjadi kepada tubuh Yesus Kristus.

Anda telah diberikan lima laporan. Tugas anda ialah mencari laporan yang betul.

Laporan 1

Yesus tidak mati. Dia hanya pengsan sahaja. Apabila Dia diletakkan di kubur, udara yang dingin telah menghidupkan-Nya. Dia bangun dan tinggalkan kubur itu.

Laporan 2

Murid-murid Yesus telah pergi ke kubur yang salah. Suasana pagi itu sangat gelap dan mereka telah salah masuk ke kubur yang lain dan mereka berfikir tubuh-Nya sudah hilang.

Laporan 3

Wanita itu menemukan kubur kosong, demikian juga murid-murid-Nya yang lain. Mereka mengatakan Yesus sudah bangkit dari kematian dan mereka telah melihat-Nya. Adakah mereka sebenarnya menderita halusinasi? Mereka berfikir mereka telah melihat Dia tetapi sebenarnya mereka tidak.

Laporan 4

Murid-murid Yesus telah mencuri tubuh-Nya kerana mereka perlu meyakinkan orang lain bahawa Yesus sudah bangkit dari kematian dan telah naik ke syurga.

Laporan 5

Murid-murid Yesus berkata bahawa kuasa Allah telah membangkitkan Yesus dari kematian. Ini adalah bukti kepada seluruh dunia bahawa Yesus ialah Anak Allah.

Baca kelima-lima laporan itu, kemudian siasat bukti-bukti berikut:

Laporan 1 (juga dikenali sebagai **Teori Swoon**)

Berdasarkan pernyataaan-pernyataaan yang anda kumpulkan daripada para saksi bagi tugas pertama, apakah penjelasan anda mengenai laporan ini.



Benar/ Palsu

Laporan 2 (juga dikenali sebagai **Teori Salah Kubur**)

Selidiki Matius 27:61, Markus 15:47 dan Lukas 23:55.

1. Adakah wanita-wanita itu mengetahui di mana terletak kubur Yesus sekalipun suasannya gelap?
2. Apakah kesimpulan anda mengenai laporan ini?



Benar/ Palsu

Laporan 3 (juga dikenali sebagai Teori Halusinasi/Khayalan)

Untuk berkhayal bererti melihat sesuatu seperti berada di sana tetapi sebenarnya tidak ada. Khayalan bererti biasanya terjadi kepada individu dan bukan kepada kumpulan dan tidak mungkin dua orang akan mempunyai halusinasi yang sama pada waktu yang sama.



Siasat beberapa orang yang telah melihat Yesus selepas kebangkitan-Nya. Adakah mereka menunjukkan tanda-tanda bahawa mereka sedang berkhayal?

Lihat Matius 28:9, 10, Lukas 24:33-43 dan Yohanes 20:24-29

1. Berapa orangkah yang melihat Yesus pada waktu yang sama?
2. Apakah yang dilakukan oleh mereka terhadap Yesus?
3. Bolehkah anda melakukan sesuatu yang tidak wujud di sana?
4. Apakah kesimpulan anda mengenai laporan ini? **Benar/ Palsu**

Laporan 2 (juga dikenali sebagai Teori Pencurian)

Selidiki Matius 27:62-66



1. Apakah yang telah dilakukan untuk memastikan tidak ada seorang pun yang akan mencuri jenazah Yesus?
2. Oleh kerana tidak ada laporan mengenai pergelutan antara pencuri dan askar-askar yang menjaga kubur, jadi penjelasannya ialah mereka mungkin tertidur ketika tubuh Kristus dicuri.

Pertimbangkan fakta bahawa batu yang menutupi kubur itu sangat besar. Adakah pengikut-pengikut Yesus dapat mengguling batu itu tanpa diketahui oleh askar-askar yang berada di sana?

3. Selidiki Matius 28:11-15. Apakah yang berlaku sebenarnya?

4. Apakah kesimpulan anda mengenai laporan ini? **Benar/ Palsu**

Laporan 5

Ada apa-apa bukti lain yang mungkin telah tertinggal? Semua laporan telah menunjukkan bahawa tidak ada tubuh yang tertinggal dalam kubur.



Anda hanya ada dua pilihan — adakah Yesus Tuhan atau manusia?
Apakah kesimpulan anda?

Kita hanya ditinggalkan dengan satu kenyataan: Yesus telah keluar dari kubur melalui kuasa Allah yang menghidupkan Dia.

Apakah kesimpulan anda mengenai laporan ini? **Benar/ Palsu**

Santapan Minda

Mengenai alasan bahawa pengikut-pengikut pergi ke kubur yang salah, Josh McDowell berkata, "Kita yakin bahawa askar-askar yang disuruh oleh penguasa Yahudi untuk menjaga agar mayat-Nya tidak dicuri itu tidak mungkin akan salah terhadap lokasinya. Mereka tidak akan salah mengecam lokasinya kerana mereka berada di sana. Kalau kubur itu bukan kubur yang benar, para penguasa Yahudi tentu akan mengeluarkan mayat dari kubur yang betul. Dengan demikian, mereka dapat mematikan semua khabar angin tentang kebangkitan-Nya."

Mengenai alasan bahawa pengikut-pengikut Yesus sedang berkhayal, Josh McDowell berkata, "Sangat mustahil lima ratus orang akan mempunyai khayalan yang sama selama empat puluh hari!"

Mengenai pendapat bahawa tubuh Kristus telah dicuri, dia berkata bahawa keadaan pengikut-pengikut yang kecewa dan takut membuat alasan ini sulit diterima. Dapatkan anda bayangan mereka tiba-tiba menjadi begitu berani dan menghadapi askar-askar yang menjaga kubur-Nya dan mencuri tubuh-Nya?

(Josh McDowell, ketika berdebat dengan Ahmad Deedat)



Doa

Berdoalah supaya iman anda dikuatkan, dan akan tetap berdiri teguh terutama bila anda dihadapkan dengan pelbagai tuduhan yang bertujuan untuk mengugat iman anda dalam Kristus.




Rekomendasi Bahan Bacaan

Untuk mengetahui lebih banyak tentang cara-cara menghadapi dan menjawab pertanyaan tentang iman dalam Kristus yang sukar, kami menyarankan anda untuk membaca buku apologetik, “**Tetap Teguh**” atau “**Pautan Iman**”, yang diterbitkan oleh Wawasan Penabur (September, 2009).

Apologetik dan doktrin adalah seiring. Doktrin menjelaskan **APA** yang kita percaya, dan apologetik mensahkan **KENAPA** kita percaya. Buku tersebut akan dapat membantu menguatkan iman anda, dan menyediakan jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan dan tuduhan-tuduhan yang sering dilontarkan kepada seorang Kristian.

Hanya Berdasarkan Anugerah





Ayat Mas Alkitab

“Hal itu demikian, kerana dengan rahmat Allah, kamu diselamatkan oleh sebab kamu percaya kepada Yesus. Penyelamatan itu bukan hasil usaha kamu sendiri, melainkan kurnia Allah. Oleh itu kamu tidak mempunyai alasan untuk bercakap besar tentang hal itu.” (Efesus 2:8-9)



Kata-kata Mutiara

Penyelamatan Tuhan adalah pemberian percuma dan bukan berdasarkan pekerjaan kita tetapi iman pada pekerjaan Yesus di kayu salib.



Aktiviti Bersama

Wasiat!

Anda telah diberitahu oleh seorang peguam bahawa seorang lelaki tua yang meninggal dunia telah meninggalkan satu wasiat yang berjumlah RM100,000 untuk anda. Anda hanya pernah bercakap dengannya sekali sahaja kerana anda telah menyelamatkan kucing kesayangannya dari terjatuh ke dalam longkang yang berdekatan dengan rumah anda.

Orang tua itu sangat menghargai kebajikanmu terhadap kucingnya. Menurut peguam itu, kucing itu adalah satu-satunya kasih hidupnya. Pada hari kematiannya, saudara maranya terkejut kerana dia tidak meninggalkan apa-apa untuk mereka. Selain daripada RM100,000 itu, dia telah memberi RM 870,501 kepada R.S.P.C.A. yang menjaga kucingnya.

Dalam wasiatnya, orang tua itu menulis bahawa anda berhak menyimpan RM 70,000 dan memberi RM 30,000 kepada tiga orang lain.

Tuliskan nama tiga orang yang anda pilih dan jumlah wang yang akan anda berikan kepada mereka. Nyatakan sebab-sebabnya.

Nama	Jumlah	Sebab



Renungan Peribadi

Mempertimbangkan Dosa-Dosa Saya

Renungkan semua perkara yang anda lakukan pada minggu ini dalam fikiran dan tingkah laku yang berkenan kepada hati Tuhan. Kemudian selidiki hatimu dan tuliskan perkara-perkara yang salah di mata Tuhan.

Di bawah ada dua meter suhu. Warnakan dengan pensil atau pensil warna dan perhatikan adakah anda telah melakukan lebih banyak kebaikan atau kesalahan. Meter suhu manakah yang lebih panas?

Salah di mata Tuhan



Meter Suhu A

Benar di mata Tuhan



Meter Suhu B



Renungan Firman Tuhan

1. Apakah yang dikatakan oleh Alkitab mengenai kita walaupun kita tidak pernah membunuh orang? (Matius 5:21-22)

2. Apakah kita akan selamat kalau kita hanya mendasarkan penyelamatan kita pada perbuatan baik kita? (Roma 3:20)

3. Bagaimanakah Allah memungkinkan kita berbaik semula dengan-Nya? (Roma 3:23-24)

4. Apakah yang harus anda lakukan kalau anda ingin mendapatkan rahmat dan anugerah Tuhan? (Roma 3:24)

5. Nyatakan tiga hal yang penting dalam penyelamatan kita seperti yang disebut dalam (Efesus 2:8-9)

Santapan Minda

Imanku menengadah kepada Engkau,
Domba Allah Kalvari,
Penyelamat ilahi:
Dengarlah doaku;
Hapuslah semua dosaku;
Dari hari ini aku milik-Mu.


Anugerah-Mu memberi
Kekuatan kepada hatiku yang lemah,
Semangatku Engkau ilhamkan;
Bagiku Engkau mati,
O biar kasihku kepada Engkau,
Murni, hangat dan tidak akan berubah,
Seperti api yang nyala. (Bay Palmer)



Doa

Bersyukurlah kepada Tuhan akan anugerah-Nya kepada anda.

Apa Erti Pertaubatan?





Ayat Mas Alkitab

91

“Kasihankuilah aku, ya Allah, kerana kasih-Mu; hapuskanlah dosa-dosaku, kerana belas kasihan-Mu sungguh besar. Basuhlah aku, daripada segala kejahatanku, dan bersihkanlah aku daripada dosaku. Basuhlah aku daripada segala kejahatanku, dan bersihkan aku daripada dosaku.” (Mazmur 51:3-4)



Kata-kata Mutiara

Sejak manusia dilahirkan, dia berpaling daripada Tuhan. Apabila dia sungguh-sungguh bertaubat, dia akan berpusing dan menghadap Tuhan. Pertaubatan ialah perubahan fikiran.

(D.L. Moody)



Aktiviti Bersama

Drama Hari Ini

Lakonkan drama-drama ini. Setiap kumpulan akan memilih pelakon-pelakon mereka sendiri.

1. Pemungut cukai di Bait Allah (Lukas 18:9-14)
2. Maria meminyaki kaki Yesus (Yohanes 12:1-8)
3. Zakeus (Lukas 19:1-9)
4. Perumpamaan anak yang hilang (Lukas 15:11-31)

Siapakah di antara mereka yang boleh dikatakan sungguh-sungguh bertaubat?



Renungan Firman Tuhan

1. Dosa diibaratkan sebagai apa dalam Alkitab? (Yesaya 64:6)
2. Apakah sifat seseorang yang sungguh-sungguh bertaubat dan menerima Tuhan Yesus? (Mazmur 51:5)

3. Apakah yang akan dilakukan oleh Tuhan terhadap dosamu yang semerah marak (BB)/lembayung (LAI)? (Yesaya 1:18)
4. Apakah yang Tuhan ingin kita lakukan terhadap dosa kita? (Yesaya 1:16-18)
5. Apakah yang akan dilakukan oleh Tuhan apabila kita bertaubat? (Yehezkiel 11:19-20)
6. Kalau kita sudah bertaubat bagaimanakah kita harus hidup? (Galatia 2:20)




Renungan Peribadi

1. Tuhan telah meyakinkan saya bahawa saya perlu bertaubat dalam beberapa perkara dalam kehidupan saya seperti:
 2. Sebagai langkah-langkah praktikal yang akan saya ambil untuk menunjukkan buah-buhan pertaubatan saya, saya akan:
- Baca Mazmur 51
3. Saya tahu bahawa saya sudah bertaubat kerana:
- Baca 1 Yohannes 2:1
4. Pertaubatan bukanlah tindakan sekali sahaja. Apabila saya berdosa saya akan sungguh-sungguh bertaubat dan meminta:

Santapan Minda

Sebelum bertaubat, John Henry Newton (1785-1807) adalah seorang yang jahat. Dia adalah seorang pedagang hamba-abdi. Namun setelah bertemu dengan Yesus, dia mengalami satu perubahan yang luar biasa. Dia menjadi ‘ciptaan baru’. Dia meninggalkan pekerjaannya dan menyerahkan hidupnya untuk melayani Tuhan, menjadi hamba Tuhan, dengan menjadi pastor di sebuah pekan kecil.



Pertaubatannya membawanya kepada suatu perubahan hidup yang luar biasa. Dia menjauhi dosa dan melayani Tuhan dengan semangat dan kerinduannya supaya setiap orang boleh memperoleh kasih karunia keselamatan yang begitu besar.

Mungkin anda tidak tahu bahwa John Newton adalah pengubah lagu **Amazing Grace!** yang telah memberkati banyak orang di seluruh dunia. Dia mengubah lagu itu pada tahun 1779.

Sangat besar anugerahNya, yang t'lah kualami!
Sesat aku dulu kala, s'lamatlah ku kini

Oleh anugerah hilanglah, segala takutku
Betapa indah anugerah, memb'ri berkat restu

Sering bahaya dan jerat, mengancam hidupku
Oleh anugerah ku s'lamat, ke sorga ku tuju

Di rumah Bapa yang baka, t'rang bagai sang surya
Sejuta tahun ku di sana, tak habis ku puja!

(terjemahan LLB **Sangat Besar Anug'rahNya**)



Doa

Hayati lirik lagu **Sangat Besar Anug'rahNya**, dan bersyukurlah kepada Tuhan kerana anugerah-Nya yang begitu besar. Dia mengampuni semua dosa kita dan menerima pertaubatan kita dengan tangan yang terbuka.

Panduan Pembimbing

Sesi 1: Siapakah Yesus?



Objektif-Objektif Sesi

Sesi ini akan menolong para pelajar untuk :

1. Menyiasat perkara-perkara ajaib yang pernah dilakukan oleh Yesus yang membuktikan Dia bukan manusia biasa.
2. Memahami tuntutan Tuhan Yesus mengenai diri-Nya sehingga mereka tidak ada dalih lain selain menerima-Nya.
3. Membuat keputusan mengenai apa yang dipercayai oleh mereka mengenai Yesus.



Pencetus Minat

1. Minta ahli kumpulan mencorak pakaian masa akan datang yang dipakai pada 2100 A.D. seperti dalam filem "Star Wars" atau "Bat Man". Pakaian mereka memampukan mereka menembusi masa dan ruangan.
2. Sediakan bahan-bahan seperti suratkhabar, plastik beg, kertas berwarna warni, tali, kertas logam untuk mereka.
3. Bahagikan mereka kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan dikehendaki mencorak pakaian Tahun 2100 A.D. iaitu abad ke 22.
4. Setelah mereka berjaya mencorak pakaian mereka, berilah hadiah kepada kumpulan yang paling kreatif dalam mencorak baju yang paling canggih.



Interaksi:

Pakaian-pakaian ini kelihatan canggih namun adakah anda berfikir kita dapat mencipta baju yang dapat menembusi ruangan, baju dan masa? Bagaimana reaksi anda kalau saya memberitahu anda tentang seorang manusia yang dapat bergerak menembusi pintu tertutup dan masa? Dia mati namun kini Dia hidup dan tinggal di luar batasan waktu dan ruangan.

Mari kita melihat siapa orang yang hebat ini dan selidiki semua perkara luar biasa yang mampu dilakukan-Nya.



Aktiviti Bersama “Adakah Yesus Manusia atau?”

1. Siapkan 4 kaunter (boleh menggunakan meja kalau ada. Jika tidak, cukup untuk letakkan di lantai sahaja).
 - ① Untuk Kaunter 1 , labelkan sebagai Tidak Dibatasi Benda. Ayat-ayat Alkitab ialah Yohanes 20:26-28.
 - ② Untuk Kaunter 2 , labelkan sebagai Tidak Dibatasi Jasmani. Ayat-ayat Alkitab ialah Markus 1:40-42.
 - ③ Untuk Kaunter 3 , labelkan sebagai Tidak Dibatasi Maut. Ayat-ayat Alkitab ialah Lukas 23:46; 24:36-39, 46-47.
 - ④ Untuk Kaunter 4 , labelkan sebagai Tidak Dibatasi Graviti. Ayat Alkitab ialah Matius 14:25-26
2. Minta semua pelajar untuk bergerak ke empat-empat kaunter untuk mengkaji dan mencatat pelajaran dari ayat-ayat yang disediakan.
3. Rumuskan aktiviti pengkajian kaunter ini:
 - Semua yang dilakukan oleh Yesus sungguh ajaib namun semuanya benar. Semua ini telah dicatatkan oleh orang yang mengenal-Nya dan yang bersaksi tentang apa yang terjadi kepada Yesus.
 - Tahukah anda bahawa Yesus boleh dikatakan peribadi yang paling berkuasa di seluruh sejarah, dan Dia telah mengubah kehidupan lebih banyak daripada semua bintang atau artis muzik yang terkenal.



Renungan Firman Tuhan

1. Tuhan Yesus bersabda bahawa sesiapa yang melihat-Nya, telah melihat Bapa (Yohanes 14:8,9).
2. Selain itu, Tuhan Yesus juga mengakui Diri-Nya dan Bapa-Nya adalah satu. (Yohanes 10:30).
3. Minta para pelajar anda mencari jawapan dari Alkitab dan padankannya.



Renungan Peribadi

1. Siapakah Yesus? Sebahagian orang lebih suka berfikir bahawa Dia hanya seorang pengasas agama. Mereka tidak mahu mengakui Yesus sebagai Tuhan.

2. Siapakah Yesus menurut fikiran anda?

- (a) Kalau Yesus percaya bahawa Dia adalah Tuhan tetapi Dia bukan, apakah yang akan kita katakan tentang Dia? (*Biar mereka memberi jawapan*) Mungkinkah dia gila atau sangat bodoh?
- (b) Kalau Yesus tahu sesungguhnya Dia bukan Tuhan tetapi tetap memberitahu orang lain bahawa Dia adalah Tuhan, apakah yang akan kita katakan tentang Dia? (*Biar mereka memberi jawapan*). Dia pasti seorang pembohong!
- ☞ Kedua-dua pendapat di atas tidak baik kerana kita ada bukti-bukti yang tertulis termasuk buku sejarah. Buku-buku ini menunjukkan Yesus pergi ke merata tempat untuk berbuat baik kepada orang dan mengubah kehidupan banyak orang. Lihatlah mukjizat yang dilakukan oleh Yesus: berjalan di atas air, menyembuh orang yang sakit, berprihatinan terhadap orang lain, dan Dia dibangkitkan dari kematian. Bolehkah orang biasa melakukan demikian?
- (c) Pendapat dan pilihan yang terakhir ialah Yesus adalah seperti yang dituntut-Nya. Ini bererti Dia ialah Tuhan!



Doa

Tutup dalam doa. Minta Tuhan memberkati dan menolong setiap orang yang hadir untuk memahami dan mengenal siapa Yesus agar mereka dapat mengalami kehidupan yang bermakna seperti yang dijanjikan-Nya.

Sesi 2: Adakah Yesus Mempunyai Semua Jawapan?



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa semua perkara yang dicari oleh mereka untuk membuat kehidupan mereka gembira dan bermakna tidak dapat bertahan lama.
2. Menyedari bahawa Yesuslah satu-satunya yang boleh memberi kehidupan yang bermakna.
3. Membuat keputusan menerima Yesus yang mati bagi dosa mereka supaya mereka mempunyai kehidupan baru yang sungguh-sungguh bererti dan memuaskan.



Pencetus Minat

Aktiviti ini akan menolong para peserta menyedari bahawa manusia mencari pelbagai hal yang kekal untuk memberi mereka kegembiraan dan kepuasan.

1. Tulis nombor ① hingga ⑩ pada kertas-kertas yang berlainan.
2. Tampal/letakkan kertas nombor ① hingga ⑩ pada lantai secara berurutan.
3. Jelaskan kepada mereka bahawa anda akan membaca satu senarai pernyataan. Anda akan memberi mereka lima saat untuk menentukan apa yang difikirkan oleh mereka tentang pernyataan ini.
4. Mereka akan memilih nombor yang tertampal pada skala di lantai, dan berdiri di belakangnya. Contohnya kalau mereka bersetuju 100 peratus pernyataan. "Aku suka ke sekolah" mereka akan berdiri di belakang ⑩ dan kalau sederhana sahaja mereka akan memilih ⑤.
5. Berikut adalah contoh-contoh pernyataan:-
 - Kegembiraan paling besar dalam kehidupan saya ialah mendapat banyak wang.
 - Dapat menikmati makanan sedap setiap masa.
 - Mendapat kesempatan memakai baju yang berjenama.
 - Banyak waktu untuk berlepak-lepak dengan teman-teman di pusat beli-belah.
 - Perkara yang paling gembira dalam kehidupan saya ialah

bergembira.

- Saya paling bergembira kalau saya tidak perlu belajar.
- Saya mahu menjadi seorang yang penting bila dewasa nanti.
- Saya dapat meluangkan banyak waktu menonton.
- Saya mendapat kerjaya yang baik dan gaji tinggi.

Interaksi:

Kita semua ingin kehidupan yang bermakna dan gembira bukan? Kita biasanya mencari kepuasan dan kegembiraan dalam makanan, teman-teman, wang, keluarga, kerjaya dan sebagainya. Bolehkah semua ini memberi kita kebahagiaan dan erti dalam kehidupan kita? Teman-teman boleh berubah, makanan tidak bertahan selama-lamanya dan pakaian berjenama akan koyak satu hari nanti.



Aktiviti Bersama

Untuk menjalani kehidupan yang bermakna dan yang dapat memberi kepuasan jangka masa panjang, kita mesti menjawab tiga soalan yang sering ditanya mengenai kehidupan:

1. Siapakah saya?
2. Apakah tujuan kehidupan saya di dunia ini?
3. Apakah yang akan terjadi kepada saya jika saya meninggal dunia?



Renungan Firman Tuhan

Jawapan 1

- a. Adakah kita wujud secara kebetulan sahaja atau kita dicipta daripada gas-gas oleh ahli sains? Benarkah nenek moyang anda pernah mengayut dari satu pohon ke pohon yang lain?
- b. Alkitab berkata kita tidak wujud kerana semua molekul atau sel-sel yang berubah daripada sel binatang ke sel manusia. Tuhan telah mencipta kita. Tampal kad tertulis **TUHAN**. Tanya, "Ayat manakah yang menyatakan demikian?" Jawapannya Kejadian 1:26-27. Suruh seorang daripada mereka untuk membacanya. Allah telah menciptakan kita.
- c. Tuhan menciptakan kita. Jadi, siapakah kita? Tampal kad tertulis

MANUSIA. Tanya soalan, "Ayat manakah menyatakan demikian?" Jawapannya Mazmur 100:3. Suruh seorang daripada mereka untuk membacanya.

- d. Tuhan telah mencipta kita - anda dan saya. Kita adalah umat-Nya. Kita ada nilai dan kepentingan sebagai manusia kerana kita diciptakan istimewa oleh Tuhan untuk menjadi umat-Nya dan untuk menjaga dunia ini.

Jawapan 2

- a. Apakah tujuan kehidupan kita di dunia ini? Mengapa Allah mencipta kita? Dia ingin kita mengasihi Dia dan menjaga dunia yang diciptakan-Nya untuk kita.
- b. Walaupun itu menjadi tujuan Allah untuk kita, kita tidak mengenal Tuhan dan tidak mengalami kehidupan yang berkelimpahan yang diberikan kerana satu hal. Pisahkan kad **TUHAN** dan manusia kemudian selipkan **DOSA**. Tanya, "Ayat manakah yang menyatakan demikian?" Ya, jawapannya Roma 3:23. Suruh seorang daripada mereka untuk membacanya.
- c. Kalau kita menjalani kehidupan kita menurut cara sendiri tanpa menghiraukan Tuhan, kita dikatakan melakukan "Dosa" seperti yang disebut dalam Alkitab. Dosa telah menyebabkan kita menurut jalan-jalan kita sendiri. Kita terpisah daripada Tuhan dan kita tidak mengenal Dia lagi.
- d. Tuhan tidak mahu kita hidup terpisah daripada-Nya kerana Dia mencipta dan mengasihi kita. Allah mengutus Anak-Nya, Yesus untuk mati di kayu salib bagi kita, mengambil dosa kita serta memulihkan perhubungan kita dengan Dia. Tampal perkataan **YESUS** dan menutupi perkataan **DOSA**. Tanya, "Ayat manakah yang menyatakan demikian? Yohanes 14:6. Suruh seorang daripada mereka untuk membacanya.
- e. Yesus bersabda bahawa Dialah satu-satunya jalan untuk kembali kepada Allah, Dia satu-satunya kebenaran kerana keberadaan-Nya dan apa yang dikatakan mengenai Dirinya adalah benar. Dialah satu-satu hidup kerana melalui Yesus kita boleh mengalami kehidupan yang berkelimpahan.
- f. Semua hal yang kita cari untuk membahagiakan kita dan memberi kita makna hanya lahiriah sahaja. Ia tidak dapat mengubah kita dan tidak bertahan lama. Jika kita mengenal Tuhan yang mencipta

kita dan menjalani kehidupan yang diingini-Nya, kita akan mengisi semua kekosongan serta memperoleh tujuan dan kebahagian yang berkekalan.

Jawapan 3

- a. Pertanyaan terakhir ialah ke mana kita akan pergi apabila kita meninggal dunia? Mari kita lihat Yohanes 3:16. Baca ayat ini dengan suara yang jelas.
- b. Jadi, hanya dalam Yesus Kristus ketiga-tiga soalan ini dapat dijawab. Hanya melalui Yesus anda memperoleh tujuan dan makna penghiburan dalam hidup ini. Kita juga diyakinkan bahawa kalau kita meninggal dunia, kita tidak akan lenyap begitu saja. Apabila kita mati, kita akan pergi dan tinggal dalam hadirat Allah untuk selama-lamanya.



Renungan Peribadi

1. Jelaskan kepada mereka bahawa jika mereka ingin mengalami kehidupan yang berkelimpahan, mereka mesti percaya kepada Tuhan Yesus. Mereka perlu percaya bahawa Tuhan Yesus telah mati bagi mereka dan telah memulihkan perhubungan mereka dengan Tuhan.
2. Pergi ke pintu dan berdiri di luar. Jelas kepada mereka bahawa Tuhan Yesus sedang berdiri di luar pintu dan Dia sedang mengetuk pintu hati mereka. Baca Wahyu 3:20 kepada mereka dan kemudian kembali ke kelas.
3. Bimbing mereka dalam doa untuk mengakui dosa dan meminta Yesus masuk ke dalam hati mereka.
4. Minta mereka yang sudah berdoa untuk menerima Yesus tinggal lebih lama agar anda boleh bincang dan jawab pertanyaan mereka. Undang yang lain untuk menghadiri sesi-sesi yang lain kalau mereka ingin mengetahui apa yang akan terjadi kalau Tuhan Yesus datang ke dalam kehidupan mereka.



Persediaan untuk Aktiviti Sesi Berikut

Jika anda ingin para peserta mencorak logo pada T-shirts di Sesi 3, minta mereka mencari T-shirt putih atau yang tidak bercorak. Sediakan juga perwana-pewarna dan perlengkapan yang lain.

Sesi 3: Apa Terjadi Selepas Ini?



Objektif-Objektif Sesi

Sesi ini akan membimbing para peserta untuk:

1. Memahami bahawa mereka semua telah dipanggil untuk menjalani kehidupan baru bukan berdasarkan perasaan mereka, tetapi pada kebenaran yang sudah dilakukan oleh Tuhan dalam Yesus.
2. Menemui perubahan-perubahan yang terjadi kepada mereka semasa mereka menerima Yesus
3. Mengutarakan apa yang telah difahami oleh mereka mengenai kehidupan baru mereka dalam Yesus.



Pencetus Minat

Pengukir Dan Tanah Liat

Aktiviti ini akan mengemukakan gagasan pendapat bahawa Pencipta berhak melakukan apa yang dikehendaki-Nya terhadap ciptaan-Nya.

1. Bahagikan mereka kepada empat atau lima kumpulan.
2. Jelaskan kepada mereka bahawa pada hari ini mereka akan mengukir manusia daripada tanah liat. Minta setiap kelompok untuk memilih seseorang daripada mereka yang akan menjadi pengukir dan yang lain akan menjadi manusia tanah liat.
3. Setiap pengukir akan diberikan secarik kertas yang menjelaskan jenis model yang akan diukir daripada manusia tanah liat. Manusia tanah liat ini tidak boleh bergerak. Pengukir akan menggerakkan mereka. Dia tidak boleh menyuruh mereka untuk bersenyum tetapi menggunakan tangan mereka untuk membuat senyuman itu.
4. Anda boleh menyuruh mereka meneka apa yang telah diukirkan.
5. Contoh-contoh perkataan dalam carik kertas itu adalah seperti: baik hati, menonton televisyen, bermain komputer, dan sebagainya.



Interaksi

1. Apa yang anda lakukan ialah mengukir manusia tanah liat dengan tangan sendiri. Adakah tanah liat anda mempunyai hak atas apa yang anda lakukan kepada mereka? (Dapat jawapan mereka)
2. Tanah liat itu milik anda dan anda telah berusaha sebaiknya untuk membentuk apa yang anda kehendaki.

3. Anda telah mempelajari minggu yang lalu bahawa Tuhan telah mencipta anda. Tuhan seperti pengukir dan anda adalah tanah liat-Nya. Apabila Tuhan mencipta anda, Dia mempunyai rancangan yang indah untuk anda tetapi dosa telah memisahkan anda daripada-Nya.
4. Namun apabila anda meminta Yesus menghapuskan dosa anda, perhubungan anda telah dipulihkan dengan Dia. Tuhan memberi anda kehidupan baru. Tuhan Yesus yang tinggal dalam anda akan membentuk anda seperti yang diingini-Nya pada mula-mulanya.
5. Kehidupan baru apakah yang telah diberi oleh Tuhan kepada anda?



Aktiviti Bersama Memahami Kehidupan Baru

Bincang bersama mereka jawapan-jawapan yang telah diberi. Anda juga boleh meminta beberapa daripada mereka untuk berkongsi dengan teman-teman yang lain bagaimana kehidupan mereka sebelum dan selepas mengenal Tuhan.



Renungan Firman Tuhan

Jawapan untuk 4 fakta tersebut:

- | | |
|-----------------|---------------------|
| 1. Manusia Baru | 2. Anak-Nya |
| 3. Sahabat | 4. Tujuan yang baru |



Renungan Peribadi

Minta mereka mencorak empat fakta yang menggambarkan kehidupan baru mereka dengan Tuhan dengan lambang. Contohnya, "Yesus adalah Tuhan dan Sahabatku".



Aktiviti Tambahan

Mereka boleh mencorak T-Shirt mereka dengan logo yang diciptakan mereka untuk melambangkan apa yang dipelajari oleh mereka.



Doa

Minta mereka berdoa secara senyap dan bersyukur kepada Tuhan atas segala yang dilakukan-Nya untuk mereka. Kemudian minta Yesus menolong mereka menjalani satu kehidupan baru dalam Yesus

Sesi 4: Langkah-langkah Pertama Mengikut Yesus



Objektif-Objektif Sesi

Sesi ini bertujuan membimbing para peserta untuk:

1. Memahami seorang Kristian dipanggil bukan untuk mengikut agama tetapi seorang manusia yang juga adalah Tuhan, Yesus Kristus.
2. Menyedari bahawa mereka harus menyerahkan semua hak mereka apabila mereka mengikut Yesus.
3. Mengambil langkah-langkah pertama untuk mengikut Yesus



Pencetus Minat

Bolehkah anda menurut arahan?

1. Bahagikan para peserta kepada dua kelompok. Satu kelompok akan menjadi guru pelukis dan mereka akan diberikan satu gambar yang menggambarkan satu pemandangan di kampung nelayan. Satu kelompok lagi akan menjadi pelukis dan mereka tidak boleh melihat gambarnya. .
2. Suruh mereka duduk berpasangan dengan membelakangi satu sama lain.
3. Beritahu mereka bahawa aktiviti ini melibatkan seorang guru pelukis yang memberi petunjuk kepada seorang pelukis mengenai bagaimana melukis gambar yang tertentu. Pelukis itu tidak semestinya sangat berbakat kerana ini bukan satu pertandingan. Suruh mereka memilih seorang pelukis dan seorang guru pelukis.
4. Beri gambar “Pemandangan” kepada guru-guru pelukis dan pastikan pasangannya tidak melihat gambar itu. Beri kertas putih, pen dan pemadam kepada setiap pelukis,
5. Guru-gurunya akan menjelaskan gambar itu kepada pelukisnya. Dia hanya boleh menjelaskan bentuk dan corak barang itu tetapi tidak boleh menyebut nama seperti perahu atau rumah kepada pelukisnya.
6. Pelukis itu akan berusaha melukis seperti yang dijelaskan oleh gurunya.
7. Suruh mereka membanding gambar mereka dengan gambar asal. Adakah gambar-gambar yang dilukiskan oleh mereka tepat?



Aktiviti Bersama Dipanggil Untuk Menikmati Cabaran Hidup

1. Bahagikan para pelajar kepada tiga atau empat kumpulan.
2. Suruh mereka membuat kertas kerja yang berjudul “Dipanggil untuk Menikmati Cabaran Hidup.”
3. Baca bersama dengan mereka dan biar mereka mencari jawapan dari Matius 16:24-25

Buat kesimpulan seperti berikut:

1. Sewaktu anda menjadi seorang Kristian, anda tidak dipanggil untuk mengikuti satu agama atau undang-undang yang menolong anda menjalani kehidupan yang bermakna.
2. Anda dipanggil untuk mengikut Yesus Kristus. Dia adalah Anak Allah yang mengorbankan diri-Nya bagi anda untuk memberi kehidupan baru kepada anda sebagai anak Tuhan.
3. Jadi sewaktu anda memulakan kehidupan Kristian baru, anda sebenarnya sedang memulakan satu kehidupan dengan Yesus, iaitu satu kehidupan untuk mengikuti-Nya dengan: (a) mengasihi Dia yang terlebih dahulu mengasihi anda. (b) mentaati Dia kerana itulah bukti kasihmu kepada-Nya.
4. Mengasihi Yesus bererti mentaati Dia. Suruh seorang murid baca Yohanes 14:21. Tuhan Yesus harus mengambil tempat pertama dalam kehidupan anda.
5. Mentaati Yesus bererti anda menyerahkan semua hak anda dan membiarkan Dia mengambil-alih semua aspek dalam kehidupan anda. Ini termasuklah masa hadapan anda, cita-cita anda, penggunaan waktu, tabiat anda, kawan-kawan anda.
6. Tuhan Yesus akan melakukan perkara-perkara yang indah dalam kehidupan anda. Dia akan mengubah anda untuk menjadi lebih kudus sama seperti Dia. Dia akan memberi anda tujuan dan arah baru dalam kehidupan anda. Dia akan membimbing anda mengharungi saat susah. Yang paling ajaib adalah anda akan memperoleh seorang kawan dalam hatimu yang selalu berada di sisimu.
7. Semua perkara ini akan membuat kehidupan anda sungguh teruja. Tuhan akan memenuhi rancangan-Nya untuk anda. Bayangkan kehidupan anda sebagai satu gambar indah yang diingini Tuhan dan bukan gambar lucu yang mempunyai bentuk yang aneh!



Renungan Peribadi

Langkah-Langkah Pertama

1. Suruh mereka mengerjakan kertas kerja **Langkah-Langkah Pertama Saya** lalu bincang dengan mereka.
2. Suruh mereka saling berdoa agar mereka boleh menjadi pengikut-pengikut Kristus yang setia. Galakkan mereka yang sudah membiar Yesus mengambil tempat kedua dalam kehidupan mereka untuk menyerahkan hidup mereka semula kepada Yesus agar Dia mengambil semula tempat yang terutama.
3. Suruh mereka saling mengingati bahawa mereka telah menulis dan menggalakkan sesama untuk setia kepada Tuhan dan meletakkan Dia di tempat yang terutama dalam kehidupan mereka.



Doa

Tutup sesi ini dengan membaca petikan dari Yohanes 15:9-11. Suruh mereka “meng-Amin-kan” firman Tuhan.

Ingatkan mereka yang sudah menjadi Kristian untuk menyerahkan hidup mereka kepada Tuhan agar mereka berjalan lebih serius dengan-Nya. Galakkan mereka untuk datang ke persekutuan Kristian supaya lebih mengenal Tuhan. Ajak teman-teman yang lain yang hanya mengunjungi persekutuan dan belum mengenal Kristus. Biar mereka tahu bahawa mereka diterima dan disambut mesra dalam persekutuan ini.

Sesi 5: Bukan Sekadar Manusia



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa ada agama dan kepercayaan yang lain yang tidak mengakui Yesus adalah manusia dan Tuhan pada waktu yang sama.
2. Memahami bahawa Alkitab mengajar kita bahawa Yesus memang Tuhan seutuhnya dan Dia tinggal sebagai manusia di tengah-tengah kita.
3. Memahami pengajaran Alkitab tentang kemanusiaan dan keilahian Yesus.



Pencetus Minat

1. Beritahu mereka bahawa mereka akan bermain satu permainan yang dipanggil **Menjalani Hidup Anda**. Jelaskan permainan ini bertujuan untuk menyelami perasaan orang lain dan mereka akan mengambil-alih kehidupan kawan-kawan mereka dan menyelami kehidupan mereka.
2. Minta ahli-ahli kumpulan anda membentuk dua lingkaran. Satu kumpulan akan berdiri di dalam lingkaran dan satu lagi berdiri di luar lingkaran.
3. Suruh dua lingkaran ini untuk bergerak dalam arah berlawanan apabila muzik dimainkan. Apabila muzik berhenti mereka harus menghadap pasangan baru mereka.
4. Kemudian mereka mesti menanyakan dua pertanyaan kepada pasangan mereka.
5. Berikut tersedia beberapa contoh pertanyaan tetapi mereka boleh membuat pertanyaan mereka sendiri.
 - a. Kalau saya menjalani kehidupan anda, tabiat-tabiat buruk apakah yang perlu saya perbaiki?
 - b. Kalau seseorang menanyakan saya apakah impian saya, jawapan apakah yang harus saya berikan?
 - c. Berapa jamkah anda belajar dalam sehari?
 - d. Kalau saya adalah anda siapakah yang akan menjadi teman-teman saya?

❖ Interaksi

1. Kadangkala kita mengingini kehidupan orang lain kerana ia

- kelihatan lebih baik dan bebas dari masalah. Namun ini mustahil terjadi. Kita tidak mungkin mengambil tempat orang lain.
2. Bagaimana pula dengan Tuhan? Adakah mungkin Tuhan mahu hidup sebagai manusia dan mengalami segala yang dialami oleh manusia?
 3. Alkitab mengajar kita bahawa Allah telah mengutus Anak-Nya Yesus Kristus untuk datang dan tinggal sebagai manusia serta menanggung dosa manusia dan mati bagi kita.
 4. Orang daripada agama lain selalu mengatakan Yesus tidak mungkin wujud sebagai Manusia dan Tuhan. Jadi mereka tidak mempercayai Yesus.
 5. Selidiki Alkitab dan lihat apakah yang diajari oleh Yesus Kristus.



Renungan Peribadi

Gelaran-Gelaran Tuhan Yesus

Bahagikan mereka ke dalam beberapa kumpulan dan cari jawapan-jawapan kertas kerja Gelaran-Gelaran Tuhan Yesus. Berikan jawapan kemudian jelaskan ertiinya.

- a. **Anak Allah** — Dia adalah Tuhan. Dia memiliki sifat yang sama dengan Allah Bapa. Anak yang kekal sama dengan Allah Bapa (Yohanes 5:18-24). Yesuslah yang menyatakan Bapa (Matius 11:27). Dia memiliki semua kuasa di bumi dan di syurga (Matius 28:18), dan Yesus memiliki kemuliaan bersama Bapa sebelum dunia ini ada (Yohanes 17:5). Ibrani 1:3 menyatakan “Dia memancarkan kemuliaan Allah yang gilang-gemilang dan Dia perwujudan Allah sendiri.”
- b. **Yesus**—Tuhan menyelamatkan kita. Berasal dari bahasa Ibrani, dipanggil Yeshua.
- c. **Kristus**—Yang Diurapi oleh Tuhan. Dalam bahasa Ibrani dipanggil Mesias.
- d. **Aku Adalah**—Tuhan sendiri
- e. **Rabbi**—Guru (dalam bahasa Ibrani/Aramaic)
- f. Tuhan -Istilah yang digunakan untuk Allah
- g. Immanuel—Tuhan bersama kita



Rumusan

- a. Mengapakah Yesus mempunyai begitu banyak nama? Untuk orang Yahudi, nama-nama atau gelaran-gelaran kadangkala diberikan untuk menjelaskan peribadi atau peranan seseorang. Contohnya, Yohanes dikenali juga sebagai Pembaptis kerana gelaran ini menjelaskan pekerjaannya.

- b. Nama-nama dan gelaran-gelaran telah diberikan kepada Yesus untuk menjelaskan peribadi-Nya dan juga peranan-Nya.
- c. Gelaran seperti Anak Allah, Tuhan, Aku Adalah Aku, Yesus, Immanuel dan banyak lagi; menjelaskan sifat dan peribadi Yesus sebagai Allah. Murid Tuhan Yesus yang bernama Yohanes menulis dalam Yohanes 1:1 “bahawa sebelum dunia ini diciptakan, Yesus sudah wujud dan Dia bersama Allah dan Dia adalah Tuhan.”
- d. Gelaran-gelaran seperti Kristus (gelaran ini istilah Yunani, gelaran Ibraninya ialah Mesias) dan Rabbi diberikan kerana Dia adalah seorang guru yang bijak. Orang Yahudi memanggil Dia Kristus kerana menduga Dia raja pilihan yang membimbang mereka melawan Roma tetapi sebenarnya Tuhan Yesus datang untuk menyelamatkan mereka dari dosa.



Aktiviti Bersama **Fakta-Fakta Nyata Tentang Yesus**

1. Suruh mereka berada dalam kelompok yang sama dan membawa kertas kerja Yesus: **Fakta-Fakta Nyata Tentang Yesus**.
2. Suruh mereka menyelesaikan jawapan untuk soalan-soalan dalam kertas kerja mereka.

Rumusan

Semua yang dikatakan mengenai kehidupan Yesus menunjukkan dua perkara penting:

1. Dia sungguh-sungguh mempunyai darah dan daging. Dia seorang manusia.
 - Dia mempunyai tubuh manusia seperti diri anda. Dia dilahirkan sebagai seorang bayi dan meninggal dunia (tetapi Dia telah bangkit semula pada hari ketiga).
 - Dia menjadi dewasa dan melakukan perkara-perkara yang lazim dilakukan oleh manusia. Dia makan, tidur dan berjalan.
 - Semua orang melihat Dia sebagai seorang Rabbi kerana Dia pergi ke merata tempat untuk mengajar tentang Tuhan dan menunjukkan kasih dan simpati.
2. Dia adalah Allah sendiri.
 - Murid-murid Tuhan Yesus melihat bahawa Yesus lebih daripada manusia biasa.
 - Dia banyak melakukan hal-hal yang tidak mungkin dilakukan

oleh manusia biasa — Dia menyembuh yang sakit, yang cacat, yang tuli dan buta. Selain itu, Dia membangkitkan orang dari kematian.

- Dia memiliki kuasa atas kuasa-kuasa alam dan juga kuasa kegelapan.
- Dia mengakui Diri-Nya sebagai Anak Allah dan mempunyai perhubungan yang istimewa dengan Allah Bapa dan setaraf dengan Allah Bapa.
- Allah Bapa membuktikan bahawa Yesus ialah Anak-Nya dengan membangkitkan-Nya dari kematian dan mengangkat-Nya ke syurga dan duduk di sebelah kanan-Nya.

3. Yesus, Tuhan dan Manusia

Jadi, bagaimanakah kita merumuskan segala yang telah kita pelajari?

- Alkitab mengajar kita bahawa Yesus adalah Tuhan dan manusia seutuhnya. Yesus bukan separuh Tuhan dan separuh manusia tetapi manusia dan Tuhan sepenuh dan seutuhnya.
- Baca Filipi 2:6-8. Walaupun Yesus ialah Tuhan dan tidak pernah berubah dan berdosa, Dia telah menyerahkan semua hak-Nya sebagai Tuhan dan menjadi manusia dengan sepenuhnya supaya Dia dapat mati di kayu salib. Yesus adalah Tuhan dan manusia sejati namun Dia tidak berdosa.
- Yesus perlu menjadi manusia seutuhnya. Jika tidak, Dia tidak mungkin mati di kayu salib. Pada waktu yang sama, Dia juga Tuhan sepenuhnya. Kalau tidak, Dia mungkin akan berdosa dan tidak dapat menjadi korban yang sempurna untuk penebusan dosa kita.
- Hal ini sangat penting kerana kalau Tuhan Yesus bukan Tuhan dan manusia sepenuhnya, hukuman dosa kita tidak dapat dilunaskan dan kita tidak dapat menjadi anak Tuhan serta memupuk perhubungan baru dengan-Nya. Alkitab dengan jelas menyatakan bahawa Tuhan Yesus adalah seperti yang dikatakan-Nya mengenai Diri-Nya.



Aktiviti Tambahan

Bahan yang diperlukan: pen, pensel, markers, Alkitab

1. Minta mereka membuat folio kecil mengenai Yesus tentang keilahian-Nya serta kemanusiaan-Nya. Mereka seharusnya tidak ada masalah menyediakan folio ini kerana mereka banyak

pengalaman di sekolah dan mahir mencari bio-data.

2. Suruh mereka mereka-bentuk satu kulit buku dan mereka boleh menggunakan Alkitab sebagai rujukan mereka.
3. Suruh mereka pamerkan folio-folio mereka yang boleh dijadikan sebagai bahan untuk persekutuan belia anda.



Doa

Suruh mereka berdoa dalam kelompok masing-masing. Ajak mereka bersyukur kepada Allah yang telah mengutus Anak-Nya, Yesus untuk hidup sebagai manusia. Dia juga adalah Korban yang sempurna bagi dosa-dosa kita semua. Pujilah Tuhan kerana Dia adalah Allah sendiri.

Anda juga boleh akhiri persekutuan ini dengan lagu pujian.

Sesi 6: Di Manakah Tubuh-Nya?



Objektif-Objektif Sesi


1. Menyedari bahawa ada agama-agama tertentu yang tidak bersetuju dengan ajaran Alkitab bahawa Yesus telah mati dan dibangkitkan dari kematian. Mereka menolak kebangkitan-Nya yang membuktikan bahawa Dia adalah Anak Allah.
2. Menyelidiki semua catatan tentang kematian dan kebangkitan Yesus yang jelas membuktikan bahawa Yesus tidak mati dan Dia telah dibangkitkan dari kematian oleh Allah.
3. Menghayati erti kematian dan kebangkitan Tuhan Yesus secara peribadi.



Pencetus Minat

1. Bahagikan kumpulan anda kepada dua kumpulan kecil. Pastikan setiap kumpulan mempunyai jumlah ahli yang sama.
2. Suruh mereka duduk dalam dua baris dan beri nombor sendiri. Setiap baris mesti mempunyai jumlah orang yang sama dan duduk saling berhadapan.
3. Letakkan kerusi di samping setiap baris dan tampalkan perkataan **BENAR** atau **SALAH**. Lihat rajah berikut.

Pasukan A



Pasukan B

4. Sediakan satu senarai pernyataan palsu dan yang satu lagi senerai pernyataan benar. Pernyataan anda boleh terdiri daripada pengetahuan umum dan pengetahuan Alkitab.

Contoh-contoh:-

- a. Bulan mengelilingi bumi sekali setiap 24 jam (Benar)
- b. Setiap benda yang dilontar ke atas, pasti akan jatuh ke bawah. (Benar)

- c. Petrus adalah murid Tuhan Yesus yang paling dekat dengan-Nya. (Salah. Jawaban yang betul ialah Yohanes)
- d. Anak-anak Eli dipanggil Hophni dan Phinehas. (Benar)

Cara Permainan

Bacakan pernyataan dan panggil satu nombor. Kedua-dua pemain yang mempunyai nombor itu mesti tinggalkan tempat mereka dan bergegas untuk duduk di kerusi **BENAR** atau **SALAH**. Mereka yang duduk pada tempat yang betul (yakni, jawab dengan betul) akan diberikan markah untuk kumpulan mereka. Kalau mereka duduk di tempat yang salah, satu markah akan ditolak daripada kumpulan mereka.

◊ Interaksi

1. Anda perlu mengetahui sesuatu dengan pasti sebelum anda dapat menjawab dengan yakin: benar atau salah.
2. Anda begitu yakin dengan apa yang benar dan apa yang palsu sewaktu anda memberi jawapan sewaktu bermian.
3. Bagaimana pula dengan fakta yang sangat penting seperti isu kematian Yesus dan kebangkitan-Nya? Berapa orangkah di antara anda yang tahu dengan pasti bahawa Yesus telah mati di kayu salib dan hidup semula pada hari ketiga?
4. Jika jawapan anda “ya”, berikan alasan-alasan untuk menyokong pendapat anda.
5. Sesi ini akan menolong kedua-dua kumpulan ini, iaitu mereka yang menjawab “ya” dan mereka yang berkata “tidak” untuk meneliti dengan yakin bahawa Yesus telah mati dan bangkit kembali agar memberi kita kehidupan kekal.



Aktiviti Bersama

Kematian Dan Kebangkitan Tuhan Yesus: Fakta Atau Teori?

Penugasan Pertama: Hidup atau Mati?

1. Bahagikan mereka kepada empat atau lima kumpulan.
2. Suruh mereka menyelidiki kertas kerja **Hidup atau Mati**. Mereka mesti mencari saksi-saksi dan pernyataan-pernyataan untuk tugas pertama. Lihat berapa ramai saksi-saksi yang dapat dicari oleh mereka.
3. Setelah mereka menyelesaikan tugas, pilih salah satu orang daripada mereka untuk membentang penemuan-penemuan mereka

dan laporan tugasannya pertama mereka.

Rumusan

- Anda boleh membahagikan saksi-saksi anda kepada dua kumpulan: mereka yang merupakan sahabat Yesus dan mereka yang bukan sahabat-Nya.
- Di kalangan sahabat-sahabat Yesus adalah wanita-wanita yang telah melihat Dia mati. Antara fakta yang penting adalah Yusuf Arimathea dan Nikodemus yang mengambil jenazah Yesus yang telah dikafarkan dan meletakkannya di dalam kubur. Kalau Yesus belum mati, kain yang digunakan untuk membungkus seluruh tubuh-Nya pasti akan membunuhnya.
- Golongan lain tidak dapat sebarang manfaat kalau Dia tidak mati. Bukti-bukti mereka tentang kematian Yesus tentu lebih objektif daripada kawan-kawan Yesus. Askar-askar Rom sudah lazim melihat orang yang sedang di ambang kematian dan juga orang yang sudah meninggal dunia. Tentu mereka tidak begitu cuai sehingga mereka tidak mengetahui kalau Yesus belum mati. Perhatikan bahawa askar-askar ini telah menusuk samping Yesus untuk memastikan Dia sungguh-sungguh telah meninggal dunia.
- Semua kesaksian para saksi menunjukkan bahawa Yesus memang sudah mati secara jasmani apabila mereka menurunkan Dia dari kayu salib dan meletakkan Dia di dalam kubur.

Penugasan Pertama: Fakta atau Teori?

- Suruh mereka kerjakan tugas yang kedua **Fakta atau Teori?**
- Bincangkan jawapan dengan mereka.

Rumusan

- Anda baru membaca beberapa teori-teori utama dan terkemuka yang diberikan oleh golongan orang yang menyangkal kematian dan kebangkitan Yesus.
- Semua bukti menunjukkan bahawa hanya Allah sahajalah yang bertanggungjawab atas kehilangan tubuh Yesus dari kubur.
- Kebangkitan Yesus mengejutkan semua orang dan juga para pengikut-Nya. Perasaan terkejut mereka membuktikan bahawa mereka mungkin akan dituduh bersabuhat dan terlibat dalam pencurian jenazah Yesus. Yesus terpaksa menyakinkan mereka banyak kali tentang kebangkitan-Nya. (1 Korintus 15:3-8)
- Bukti yang paling kuat ialah perubahan kehidupan orang yang mempercayai Yesus dan kebangkitan-Nya. Kehidupan sebelas

murid-Nya telah berubah. Ini tidak mungkin terjadi kecuali Yesus sungguh-sungguh hidup.

- e. Kematian dan kebangkitan Yesus sangat penting kepada iman kita. Dalam 1 Korintus 15:14,17; Paulus berkata kalau peristiwa ini tidak terjadi, iman kita tidak berguna dan kita sedang mempercayai sesuatu yang tidak boleh dipercayai.
- f. Rujuk kepada 1 Korintus 15:14,17 dan baca kedua-dua ayat-ayat ini.



Aktiviti Tambahan

Wawancara Di Televisyen

1. Atur semua kerusi agar semua orang boleh duduk dalam lingkaran yang besar.
2. Beritahu mereka untuk membayangkan bahawa mereka semua merupakan tetamu untuk satu rancangan televisyen yang berjudul, "Dari Hati". Anda adalah pengacara rancangan televisyen tersebut dan anda ingin mengundang mereka untuk memberitahu pandangan peribadi mengenai topik yang bertajuk, "**Kerana Yesus Bangkit dari Kematian.**"
3. Tanyakan mereka: "Adakah anda percaya Yesus bangkit dari kematian? Kenapa?" Kalau mereka tidak percaya Tuhan Yesus bangkit dari kematian, minta penjelasan mereka.
4. Berilah mereka beberapa minit untuk berfikir. Berikan mereka beberapa contoh supaya mereka tahu cara menjawab pertanyaan-pertanyaan anda.
5. Mulakan acara televisyen dengan memperkenalkan diri anda dan topik hari itu. Panggil mereka yang lebih dewasa dalam iman mereka untuk memulakan perbincangan ini.



Doa

Berdoalah bersama ahli-ahli kumpulan anda.

Sesi 7: Hanya Berdasarkan Anugerah



Objektif-Objektif Sesi

1. Berhati-hati dengan ajaran dan orang yang mengatakan penyelamatan hanya didasarkan pekerjaan yang baik, bukan iman.
2. Memahami bahawa kita menerima anugerah penyelamatan di kayu salib dan percaya serta menerima Yesus Kristus sebagai Penyelamat kita.
3. Memperoleh keyakinan bahawa penyelamatan hanya didasarkan pada karya Yesus yang sempurna di kayu salib.



Aktiviti Bersama Kertas Kerja: Wasiat

Aktiviti ini akan membolehkan para pelajar menyedari terhadap siapakah yang mereka akan bersikap murah hati kalau mereka mempunyai kesempatan memberi wang mereka kepada orang lain.

1. Suruh mereka menulis pilihan mereka dalam kertas kerja mereka: **Wasiat**
2. Suruh mereka berbincang tentang pilihan mereka dengan kawan-kawan dalam kelompok mereka.
3. Wakil dari kelompok mereka akan membentangkan semua hasil perbincangan mereka.



Rumusan/Interaksi

1. Walaupun ini situasi yang tidak nyata, namun pada lumrahnya kita akan bersikap murah hati kepada orang yang dapat memberi sesuatu kepada kita. Biasanya, kita tidak akan bermurah hati kepada orang yang pernah melukai hati kita.
2. Hal ini berlainan dengan Tuhan. Alkitab berkata bahawa Kristus telah memberi nyawa-Nya sewaktu kita masih pendosa tanpa menuntut sebarang bayaran. Tuhan telah mencurahkan kasih-Nya kepada mereka yang tidak layak menerimanya.



Renungan Peribadi

Kertas Kerja: Mempertimbangkan Dosa-Dosa Saya

- Bahan-bahan yang diperlukan: pensel, pensel berwarna.
- Suruh mereka warnakan kertas kerja mereka: **Mempertimbangkan Dosa-Dosa Saya**

Rumusan:

- a. Kalau anda seorang manusia yang biasa, anda akan mendapati perbuatan jahat anda selalu lebih berat daripada perbuatan baikmu.
- b. Tuhan adalah Tuhan yang kudus. Apa yang tidak memenuhi syaratNya ialah sesuatu yang salah dalam pandangan-Nya. Anda sebenarnya mempunyai lebih banyak kesalahan/dosa daripada apa yang dapat anda ingat.



Renungan Firman Tuhan

1. Alkitab berkata walaupun kita tidak membunuh tetapi kalau kita mempunyai kemarahan dalam hati terhadap seseorang, kita sudah berdosa dan melakukan sesuatu yang jahat di mata Tuhan (Matius 5:21-22).
2. Kalau kita bergantung pada perbuatan baik atau pekerjaan amal untuk mendapat kasih Tuhan atau untuk mendapat hadirat-Nya, kita tidak akan mencapainya (Roma 3:20).



Aktiviti Tambahan

Pelajaran Objek: Hadiah Percuma

- i. Sediakan gula-gula, coklat, minuman ringan dan berikan kepada mereka dengan percuma.
- ii. Tanyakan, "Sukakah anda kalau anda menerima sesuatu tanpa harus membayarnya atau berusaha untuknya?"
- iii. Anda mungkin terkejut kerana anda tidak mengharapkannya.
- iv. Penyelamatan Tuhan akan menghapus semua dosa kita supaya kita mempunyai kehidupan baru di dalam-Nya. Penyelamatan-

- Nya diberikan dengan percuma tanpa mengira sama ada mereka kaya, miskin, pandai, kurang pandai, muda atau tua.
- v. Kalau kita bergantung pada perkara-perkara tertentu untuk membuat Tuhan menerima kita, maka tidak ada seorangpun yang akan masuk ke dalam Kerajaan Allah.
 - vi. Walaupun kita tidak pernah membunuh tetapi pernah marah, itu pun dianggap dosa.
 - vii. Hukum Taurat hanya menolong kita mengetahui dosa kita.
 - viii. Penyelamatan dilaksanakan hanya melalui pengorbanan dan penebusan Kristus Yesus.
 - ix. Kita harus bertaubat daripada dosa dan beriman kepada Tuhan Yesus.
 - x. Alkitab sangat jelas mengenai pemberian penyelamatan. Tiga hal yang penting dalam penyelamatan ialah:
 1. Hanya berdasarkan anugerah
 2. Ia adalah suatu pemberian
 3. Ia diterima melalui iman dan bukan kerja.



Doa

Berdoalah bersama dengan mereka. Minta agar Tuhan memberi mereka pengertian tentang anugerah Allah.

Sesi 8: Apa Erti Pertaubatan?



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa pertaubatan tidak hanya terjadi sekali sahaja tetapi sikap rendah hati dan hati yang selalu peka terhadap Tuhan dan orang lain.
2. Mengakui dosa mereka kepada Tuhan.
3. Bertaubat dan mengalami perubahan dalam hati, fikiran dan emosi.
4. Mengalami perubahan dalam kehidupan mereka dan mengambil arah yang baru dalam kehidupan mereka.



Aktiviti Bersama

1. Anda boleh mulai dengan menceritakan tentang pertaubatan Daud dalam 2 Samuel 12.
2. Bahagikan mereka kepada beberapa kumpulan kecil dan suruh mereka melakonkan salah satu cerita yang menggambarkan pertaubatan.
 - Pemungut cukai di Bait Allah (Lukas 18:9-14)
 - Maria meminyaki kaki Yesus (Yohanes 12:1-8)
 - Zakeus (Lukas 19:1-9)
 - Perumpamaan Anak yang Hilang (Lukas 15:11-31)
3. Lukas 18:9-14, Yohanes 12:1-8; Zakeus, Lukas 15:11-31. Anda boleh menggunakan cerita dari petikan berikut atau anda boleh memilih yang lain yang menunjukkan pertaubatan dalam individu tertentu.
4. Berbincang dengan mereka selepas lakonan mereka. Anda boleh sediakan hadiah kecil untuk pemenang.
5. Anda boleh memberi ilustrasi seperti berikut. Ambil segelas air kotor. Tanya mereka apakah yang harus dibuat oleh mereka jika mereka mahu segelas air putih.
6. Buangkan air kotor itu dan gantikannya dengan air putih.



Renungan Firman Tuhan

1. Najis atau kain kotor
2. Dia mengakui dosa dan sedar akannya.
3. Dia akan menyucikan kita sehingga kita seputih salju.
4. Bersihkanlah diri kamu. Hentikan semua kejahatan yang dilakukan.
5. Tuhan akan memberi hati dan fikiran yang baru.
6. Kristus hidup di dalam diriku.



Renungan Peribadi

Minta setiap orang merenungi pertanyaan-pertanyaan yang telah disediakan dan galakkkan mereka untuk memberi jawapan-jawapan yang sejurnya. Mereka tidak perlu membincang jawapan mereka dengan kawan-kawan mereka.



Aktiviti Tambahan

Suruh mereka membaca tulisan tentang John Henry Newton & sejarah lagu Amazing Grace. Pertemuan hari ini boleh diakhiri dengan menyanyikan dan menghayati lagu tersebut dalam Bahasa Malaysia/ Indonesia.



Doa

Beri mereka waktu untuk berdoa secara senyap.

**Dapatkan kesemua 25 buah buku dalam
siri **OBOR BELIA** dari kami!**



Hubungi kami di wawasan.penabur@gmail.com
atau layari laman web kami di www.wawasanpenabur.org

Siri buku OBOR Belia yang diterbitkan oleh Wawasan Penabur Sdn Bhd. ini mengandungi tema-tema utama iman Kristian dan isu-isu praktikal yang dihadapi oleh pemuda-pemudi zaman sekarang. Sebanyak 25 buku dalam Siri OBOR Belia yang merangkumi kurikulum 5 tahun telah dirancang untuk kegunaan pemuridan dan persekutuan belia.

Ada empat kategori utama untuk tiga tahun yang pertama: *Asas-asas Iman, Kehidupan dalam Kristus, Isu-Isu Praktikal dan Cara Menghadapi Kepercayaan-Kepercayaan Lain*. Semua pelajaran telah ditulis dengan lengkap dan sistematik, mengandungi ajaran Alkitab yang kukuh, bersifat interaktif dan sedia digunakan oleh para pembimbing dan belia.

Buku kedua "**Ada Apa Dengan Yesus?**" bertujuan untuk membantu pemuda-pemudi supaya lebih mengenali siapakah Yesus. Adakah Dia seorang gila, penipu atau Tuhan? Adakah kematian dan kebangkitan-Nya itu satu fakta atau hanya sebuah teori? Apa erti anugerah dan kaitannya dengan pertaubatan?

"Pendekatan buku ini sungguh segar. Aktivitinya yang kreatif dapat menawan minat belia. Kurikulum OBOR Belia yang ditulis menurut konteks kebudayaan Malaysia serta memberi penekanan praktikal sungguh berguna bagi pertumbuhan belia. Saya yakin bahawa kurikulum ini akan menolong mereka untuk berdiri teguh dalam iman, dan membimbing mereka untuk menyumbang terhadap pembangunan masyarakat yang bermoral, bersifat penyayang dan berperihatin."

Rev. Danil Raut, Presiden Sidang Injil Borneo (SIB) Semenanjung

"Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun ia tidak akan menyimpang dari pada jalan itu" (Amsal 22:6).

"Masa depan gereja di Malaysia sangat bergantung kepada bagaimana kita mempersiap dan memuridkan generasi muda kita hari ini. Mereka adalah aset gereja yang sangat berharga dan merupakan calon pemimpin dalam pelayanan gereja pada masa akan datang. Kita memerlukan bahan pemuridan yang sistematik, menyeluruh dan menekankan pengajaran Firman Tuhan untuk melahirkan satu generasi yang kuat dan berdaya saing dalam dunia yang sangat mencabar ini. Saya ingin mendorong gereja-gereja berbahasa Malaysia dan Orang Asli (OA) menggunakan OBOR Remaja ini untuk tujuan memperdalamkan pemahaman Alkitab dan pembentukan supaya mereka boleh bertumbuh sebagai pengikut Kristus. Siri buku ini akan membantu melahirkan generasi muda orang Kristian yang mantap di Malaysia."

Alfred R. Tais, Setiausaha Eksekutif Komisi Bahasa Malaysia,
National Evangelical Christian Fellowship (NECF)